



SIARAN MEDIA KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

MOSTI KOMITED DALAM USAHA BERTERUSAN MEMPERKASAKAN PENYEDIAAN TEKNOLOGI TEMPATAN BAGI INDUSTRI KENDERAAN ELEKTRIK NEGARA

PUTRAJAYA, 20 Oktober 2021 – Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) komited memperkasakan pembangunan, validasi dan pengkomersialan pembangunan teknologi kenderaan elektrik (EV) tempatan untuk memenuhi agenda kelestarian mobiliti negara.

Berdasarkan Rangka Kerja 10-10 Sains, Teknologi, Inovasi dan Ekonomi (MySTIE 10-10) iaitu inisiatif yang menyokong Dasar Sains, Teknologi Dan Inovasi Negara (DSTIN) 2021-2030, aspirasi EV turut mengambil kira fokus yang terkandung dalam Dasar Automotif Negara (NAP) 2020, Dasar Pengangkutan Negara (NTP) 2019-2030 dan Pelan Pembangunan Mobiliti Rendah Karbon (*Low Carbon Mobility Blueprint*) 2021-2030.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato' Sri Dr. Adham Baba berkata, "MOSTI melalui NanoMalaysia sebagai agensi pelaksana akan memberi penekanan kepada pembangunan ekonomi yang seimbang dan kelestarian mobiliti. Satu pelan tindakan telah disediakan yang memberi tumpuan kepada industri tempatan melalui pemberian geran penyelidikan dan pembangunan (R&D) terutamanya industri dan perusahaan tempatan berlandaskan EV. Aspek penting ini dapat memacu pertumbuhan ekonomi dan penjanaaan pekerjaan selari dengan aspirasi untuk menjadikan Malaysia negara berteknologi tinggi dan berpendapatan tinggi menjelang 2030".

Tambah beliau, "MOSTI juga telah mengambil langkah awal dengan mengemukakan Program NanoMalaysia *Energy Storage Technology Initiative* (NESTI) di dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas. Program ini menekankan pembangunan dan

pengkomersialan sistem simpanan tenaga bagi kegunaan mobiliti elektrik, termasuk bateri, ultra kapasitor, penyimpanan hidrogen dan reaktor, sistem pengurusan tenaga dan kitar semula bateri. NESTI akan dilancarkan dalam masa terdekat.”

Bagi memperkasakan teknologi EV di Malaysia, MOSTI menggunakan pendekatan *whole of nation* bagi meningkatkan penerimaan terhadap teknologi EV ini dan seterusnya mencapai hasrat untuk meletakkan Malaysia sebagai antara pengeksport komponen EV tersohor di rantau ASEAN. Kolaborasi turut melibatkan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Kementerian Pengangkutan, Kementerian Alam Sekitar dan Air, Kementerian Tenaga dan Sumber Asli, institut pengajian tinggi, syarikat-syarikat pemula serta syarikat-syarikat kecil dan sederhana.

Untuk makluman, program *Enabling Mobility Electrification for Green Economy* (EMERGE) telah menerima Dana Penyelidikan Strategik di bawah *Malaysia Grand Challenge*. EMERGE oleh NanoMalaysia bertujuan menambahbaik blok pembangunan teknologi EV melalui Program Pengkomersialan Teknologi Nano dalam usaha meningkatkan sistem simpanan dan pengurusan tenaga, *Internet of NanoThings* dan pembangunan stesen pengecas (*off-grid green charging station*), serta membangunkan prototaip EV sebagai platform validasi yang boleh diterima pakai industri.

Satu inisiatif sampingan di bawah EMERGE iaitu *Rapid Electric Vehicles Innovation Validation Ecosystem* (REVIVE) juga telah diwujudkan untuk memberi fokus kepada penukaran enjin biasa kepada enjin elektrik.

MOSTI yakin penerimaan awam terhadap kenderaan EV akan meningkat dalam jangka masa pendek memandangkan kenderaan EV jimat tenaga dan hanya memerlukan infrastruktur pengisian yang sederhana melibatkan sistem pertukaran bateri. Teknologi EV juga mempunyai potensi yang besar untuk perkhidmatan pengangkutan awam dan penghantaran menjelang 2030.

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

20 Oktober 2021